Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
Bil 9: 2 Mac 2026

# UPSI anjur kursus fahami bacaan dalam solat, perkasa jiwa ketakwaan warga kampus

**Tanjong Malim, 27 Februari -** Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan Kursus Fahami Bacaan Dalam Solat sebagai inisiatif berterusan memperkukuh penghayatan ibadah dalam kalangan kakitangan Islam universiti itu, selari dengan Aspirasi UPSI 3.0 yang menekankan pembentukan jiwa ketakwaan. Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md. Amin Md. Taff berkata, program itu dirancang dalam beberapa siri bagi memberi manfaat kepada lebih 2,000 kakitangan Islam universiti berkenaan sepanjang tahun ini.

Menurut beliau, siri pertama berlangsung selama dua hari bermula hari ini melibatkan Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) serta semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj), dengan fokus kepada pemahaman, penghayatan dan kesempurnaan bacaan dalam solat. “Solat bukan sekadar kewajipan tetapi teras pembinaan sahsiah, integriti dan etika kerja. Apabila makna bacaan difahami dan dihayati, ia membentuk disiplin dalaman yang akhirnya diterjemahkan dalam budaya kerja cemerlang. Beliau berkata usaha sistematik melalui modul yang dibangunkan sendiri oleh kepakaran dalaman UPSI itu juga memperlihatkan keupayaan universiti mengintegrasikan ilmu, nilai dan amalan dalam ekosistem kampus. “UPSI mahu melahirkan warga universiti yang bukan sahaja kompeten tetapi memiliki jiwa ketakwaan yang menjadi panduan dalam setiap tindakan dan keputusan,” ujar beliau. Sementara itu, Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman berkata penganjuran kursus tersebut merupakan sebahagian daripada agenda pembangunan modal insan universiti yang menekankan keseimbangan antara profesionalisme dan nilai spiritual. Beliau berkata pendekatan kursus yang menekankan elemen amali dan perbincangan kumpulan kecil membolehkan peserta bukan sahaja memahami teks bacaan, malah menghayati falsafah serta aplikasi nilai solat dalam kehidupan seharian dan tugasan rasmi. “Kursus itu antara lain bertujuan membantu peserta memahami makna bacaan dalam solat sebagai asas pelaksanaan ibadah yang berkesan, menghayati falsafah solat dalam konteks tugas dan kehidupan serta memperoleh kesempurnaan solat. Pelaksanaannya merangkumi kaedah membaca zikir, doa dan ayat al-Quran dalam solat, memahami makna bacaan, menghayati makna dan falsafahnya serta latihan dalam kumpulan (amali) melalui perbincangan dalam kumpulan.



Menurut Helmi, enam modul utama diperkenalkan iaitu Mukadimah dan Surah al-Fatihah; Takbiratul Ihram serta bacaan ketika rukuk, iktidal, sujud dan duduk antara dua sujud; Tahiyyat dan salam; Surah al-Dhuha dan al-Insyirah; Surah al-Ikhlas, al-Falaq, al-Nas dan al-’Asr; serta doa-doa sebelum salam dan selepas solat. “Modul-modul kursus dibangunkan oleh panel akademik dan tenaga pengajar UPSI merentasi fakulti dengan penglibatan Fakulti Sains Kemanusiaan, Fakulti Pembangunan Manusia, Fakulti Komputeran dan Meta-Teknologi, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi serta Pusat Islam UPSI.

“Siri seterusnya akan diteruskan secara berperingkat dalam tahun ini bagi memastikan manfaat kursus dapat diperluas kepada seluruh kakitangan Islam universiti,” katanya.



Inspirasi Inside
TERKINI DI UPSI
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Sultan Idris Education University
Bil 9: 2 Mac 2025



## UPSI, Proton teroka kerjasama strategik perkasa ekosistem BEV

**Tanjong Malim, 26 Februari** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Proton Holdings Berhad (Proton) meneroka kerjasama strategik bagi mempromosikan ekosistem pengetahuan Kenderaan Elektrik Bateri (BEV) serta teknologi Kenderaan Tenaga Baharu (NEV) di negara ini.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, fokus usaha itu adalah terhadap potensi sinergi antara industri automotif nasional, selaras dengan komitmen UPSI untuk mengintegrasikan teknologi hijau dalam kurikulum serta ekosistem universiti.

Menurut beliau, antara objektif utama usahasama yang dibincangkan ialah cadangan mewujudkan Pusat Pembelajaran dan Demonstrasi EV pertama di institusi pendidikan tinggi di Malaysia, pembangunan modul pendidikan asas BEV, penyediaan latihan praktikal berkaitan teknologi e.MAS, serta peningkatan kesedaran awam terhadap teknologi BEV nasional.

"UPSI melihat kunjungan ini sebagai satu langkah signifikan dalam merapatkan jurang antara industri dan akademia. Teknologi BEV dan NEV bukan lagi satu pilihan masa depan, tetapi keperluan semasa yang perlu difahami dan dikuasai oleh generasi muda," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menerima kunjungan pengurusan tertinggi Proton diketuai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rashid Musa.

Md Amin berkata, UPSI komited untuk memainkan peranan aktif dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja celik teknologi, malah mempunyai kesedaran tinggi terhadap kelestarian alam sekitar.

"Sebagai universiti yang berteraskan pendidikan, UPSI bukan sahaja mahu memperkenalkan teknologi EV dalam bilik kuliah, tetapi juga menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersifat praktikal, relevan dan berimpak tinggi kepada pelajar serta komuniti," ujar beliau.

## UPSI bakal lancar Global Educator Award 2026, perkasa jaringan pendidikan global

**Tanjong Malim, 25 Februari** - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bakal melancarkan Global Educator Award (GEA) 2026 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai inisiatif strategik bagi mengiktiraf pendidik dan organisasi pendidikan global yang memberi impak besar terhadap pembangunan pendidikan sejagat.

Pengarah Akademik dan Antarabangsa UPSI yang menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Ridzwan Che Rus berkata, program berprestij yang diilhamkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir itu dilihat sebagai platform penting dalam memperkukuh jaringan antarabangsa, di samping mengangkat Malaysia sebagai hab pendidikan unggul di rantau ini.

Menurut beliau, penganjuran terdahulu pada 2025 mencatat sambutan luar biasa dengan 244 pencalon dari 57 negara serta penglibatan lebih 10,000 peserta sepanjang acara berlangsung. "GEA bukan sekadar anugerah, tetapi satu gerakan akademik yang menghimpunkan pemikir, pendidik dan institusi dari seluruh dunia untuk berkongsi amalan terbaik, inovasi serta hala tuju masa depan pendidikan," katanya di sini, hari ini






## Lima warga UPSI jadi imam tarawih di UK, Australia dan Singapura

**United Kingdom, 26 Februari** - Nama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus terpahat di persada antarabangsa apabila lima wakil universiti itu terpilih untuk menjadi imam sempena Program "Qari in Residence" sepanjang bulan Ramadan ini di United Kingdom, Australia dan Singapura.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pemilihan wakil UPSI di institusi Islam luar negara sepanjang Ramadan membuktikan keupayaan universiti itu melahirkan graduan dan warga institusi yang diberi penghormatan dan pengiktirafan global terhadap kualiti pendidikan tahfiz universiti itu. "Saya berasa terharu apabila pelajar Ijazah Sarjana Muda Tahfiz al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan dari Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), Adib Farhan Baharudin terpilih menjadi imam di Oxford Centre for Islamic Studies (OXCIS), United Kingdom," kata beliau. Beliau berkata ini satu penghormatan luar biasa untuk pelajar UPSI yang mendapat peluang memantapkan lagi keperibadiannya sebagai seorang pelajar tahfiz.

**MEMPERLIHATKAN POTENSI BESAR**

Program mulai 16 Februari hingga 21 Mac itu, katanya, adalah satu pengiktirafan yang bukan sahaja membanggakan UPSI, malah memperlihatkan potensi besar institusi pendidikan tempatan dalam menyumbang kepada pembangunan ilmu al-Quran di peringkat global. Menurut Md Amin, program berkenaan menyaksikan empat pelajar dan seorang pegawai UPSI diberi kepercayaan menggalas tanggungjawab sebagai imam serta menyumbang kepakaran dalam bidang al-Quran di beberapa institusi Islam. Selain itu, Ahmad Al Mustafa Mohd Azmi yang berkhidmat sebagai imam di Malaysian Hall Perth, Australia, manakala Wan Muhammad Irsyad Wan Zulkifli serta Muhd Farhan Hakimi Khairul Aizam masing-masing berkhidmat di Singapura di Masjid al-Ghufran, Singapura.

**DIBERI KEPERCAYAAN BERKHIDMAT**

Guru Tahfiz, merangkap Penasihat Persatuan Tahfiz UPSI, Ah-Luqman Al-Hakim Che' Zahari dari Institut Penyelidikan dan Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami FSK, turut diberi kepercayaan berkhidmat sebagai imam di Masjid Dar al-Iman dan Malaysian Hall Sydney, Australia. Beliau berkata penglibatan pelajar dan pegawai UPSI di luar negara turut membuka peluang kepada mereka untuk memperkukuh kemahiran kepimpinan, komunikasi serta kefahaman budaya masyarakat Islam antarabangsa.

"Ia selari dengan aspirasi universiti untuk melahirkan modal insan holistik yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah mampu menjadi duta ilmu, sahsiah dan nilai Islam," ujar beliau.

**DALAM PROSES PEMBINAAN**

Merealisasikan aspirasi itu, katanya, UPSI dalam proses pembinaan Institut Pendidikan Tahfiz Dan Turath Islami (-Furqan) yang akan menjadi pusat kajian berkaitan isu melibatkan pendidikan tahfiz di negara ini.

"Institut yang sedang giat dibina di atas tapak seluas 18 ekar di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City ini akan menggunakan kurikulum yang mengintegrasikan sistem "pondok" dan sistem pendidikan arus perdana," katanya. Sementara itu, Pengarah -Furqan, Prof Dr Abd Rahman Abd Ghani berkata Program Qari in Residence merupakan platform strategik dalam mengetengahkan bakat serta kepakaran pelajar tahfiz UPSI di pentas global.

**PROSES SARINGAN RAPI**

Menurut beliau, pemilihan wakil UPSI dibuat melalui proses saringan rapi yang menilai aspek hafazan, penguasaan qiraat, pencapaian akademik serta keperibadian calon.

"Program ini memberi ruang kepada peserta untuk mempraktikkan ilmu qiraat, tajwid dan pengurusan ibadah dalam konteks sebenar, di samping memperkukuh keyakinan diri serta profesionalisme sebagai imam dan pendidik al-Quran di luar negara. "Kita berharap pengalaman ini akan memberi nilai tambah yang signifikan kepada pembangunan sahsiah dan kerjaya mereka pada masa hadapan," katanya.




**Bangsar**

**Majlis Iftar Ramadan & Sambutan Tahun Baru Cina anjuran Education Malaysia Global Services (EMGS) y**



**Putrajaya**

**Majlis Berbuka Puasa YAB Perdana Menteri bersama Mahasiswa**



**Kuala Lumpur**

**Pembentangan Resolusi & Dialog Menteri Pendidikan Tinggi Bersama Majlis Perwakilan Pelajar (IPT)**



**Kuala Kangsar**

**Majlis Berbuka Puasa Bersama Exco, Orang Besar Perak, Ahli Dewan Negara Perak, Ahli Dewan Negeri Perak & Ketua-Ketua Jabatan negeri Perak**